TAN YEONG KIM

lwn.

TENAGA NASIONAL BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
ALAUDDIN MOHD SHERIFF H
[SAMAN PEMULA NO: 24-1127-98]
17 OGOS 2000

KONTRAK: *Perjanjian membekalkan tenaga elektrik - Penggunaan elektrik yang tidak direkodkan - Plaintif dikenakan bil tambahan - Plaintif gagal membayar - Bekalan elektrik dipotong - Samada defendan berhak memotong bekalan elektrik tanpa pembuktian kesalahan melalui keterangan mahkamah*

TAFSIRAN STATUT: *Pentafsiran statut - Pendekatan literal - Akta Bekalan Elektrik 1990, s. 38(1) - Samada dibaca secara literal atau tidak*

Plaintif adalah seorang peniaga yang menjalankan perniagaan menjual air batu dan mempunyai sebuah premis yang digunakan sebagai stor menyimpan air batunya. Beliau telah menandatangani satu kontrak pembekal dengan defendan, Tenaga Nasional Berhad ('TNB'), untuk membekalkan tenaga elektrik ke premis tersebut. Selepas beberapa bulan, defendan telah menjalankan pemeriksaan terhadap jangka KWH di premis plaintif dan mendapati bahawa penggunaan tenaga elektrik yang direkodkan oleh jangka KWH plaintif adalah 66.07% lebih rendah dari jangka semak defendan. Plaintif kemudiannya telah dikenakan bil tambahan sebanyak RM30,136.98 bagi pengunaan elektrik yang gagal direkodkan. Setelah plaintif gagal menjelaskan bil tersebut walaupun diberi beberapa notis, bekalan elektrik ke premis plaintif telah dipotong.

Melalui saman pemula, plaintif memohon untuk mendapatkan satu deklarasi bahawa beliau tidak berhutang dengan defendan dan untuk bekalan elektrik disambung semula. Plaintif menghujah bahawa defendan tidak berhak memotong bekalan elektrik itu semata-mata berdasarkan bil tersebut yang tidak dibayar. Beliau menghujah bahawa defendan hanya boleh memotong bekalan elektrik di premisnya setelah plaintif dibuktikan melalui keterangan mahkamah melakukan kesalahan di bawah ss. 37(1), (3) dan (14) Akta Bekalan Elektrik 1990 ('Akta tersebut'). Defendan sebaliknya menghujah s. 38(1) Akta tersebut menyatakan dengan jelas bahawa TNB mempunyai kuasa untuk memotong bekalan elektrik kepada pengguna yang melakukan kesalahan di bawah ss. 37(1), (3) atau (14) Akta tersebut.

Diputuskan:

[1a] Seksyen 38(1) Akta tersebut tidak memerlukan satu pembuktian kesalahan oleh mahkamah sebagai pra-syarat sebelum kuasa pemotongan dapat dilaksanakan oleh TNB sebagai pemegang lesen. Sekiranya proses pembuktian kesalahan melalui mahkamah diperlukan ianya akan memakan masa yang lama sebelum kuasa di bawah s. 38(1) dapat digunakan.

[1b] Plaintif tidak menafikan fakta bahawa dengan terdapatnya pengusikan kepada jangka KWH di premisnya yang mengakibatkan piring jangka telah bergerak dengan perlahan dan telah tidak merekodkan penggunaan tenaga elektrik yang sebenarnya. Tambahan lagi, plaintif juga terikat dengan syarat-syarat di dalam kontrak pembekal yang memperuntukkan bahawa plaintif dikehendaki mematuhi Akta tersebut.

[2] Seksyen 38(1) hendaklah dibaca secara literal dan biasa atau "in its ordinary and literal meaning" dan digubal begitu rupa untuk memberi kuasa efektif kepada TNB memberhentikan dengan segera sebarang kesalahan yang berlaku dan tidak dibiarkan berlarutan.

[Permohonan ditolak.]

Kes-kes yang dirujuk:

Dai-Ichi Electronics (M) Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Bhd [1996] 2 AMR 1821 ***(dirujuk)***

Duport Steels Ltd v. Sirs [1980] 1 All ER 509 ***(dirujuk)***

Foo Loke Ying v. Television Broadcast Ltd & Ors [1985] 2 MLJ 35 ***(dirujuk)***

Kumpulan Kamunting Sdn Bhd v. Rajoo & Ors [1983] 2 MLJ 400 ***(dirujuk)***

Leong Hup Poultry Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Bhd (Guaman Sibil No: 22-11-1999) (tidak diterbitkan) ***(dirujuk)***

Vengadasalam v. Khor Soon Weng & Ors [1985] 2 MLJ 449 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Electricity Supply Act 1990, ss. 37(1), (3), (14), 38(1), 53

Employment (Termination and Lay-Off Benefits) Regulation 1980, reg. 8

Licensee Supply Regulations 1990, regs. 3, 11, 12(2)

Bagi pihak plaintif - Devandran; T/n Devandran & Co

Bagi pihak defendan - Pn Paizah; T/n Paizah Nazira

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Alauddin Mohd Sheriff H:

Permohonan

Melalui saman pemula (Lampiran 1) ini, plaintif memohon untuk mendapatkan antara lain perintah-perintah berikut:

i. satu deklarasi bahawa plaintif adalah penerima bekalan sah letrik daripada defendan dan sehingga hari ini masih tidak berhutang dengan defendan.

ii. satu perintah mengarahkan defendan menyambung bekalan letrik yang dipotong oleh defendan ke premis No. 83, Kilang Air, Jalan Sungai Korok, Pekan Jitra, Kedah di dalam tempoh 24 jam dari perintah dikeluarkan.

iii. kos.

Fakta Kes

Fakta-fakta kes yang tidak dipertikaikan adalah seperti berikut. Plaintif adalah seorang peniaga yang menjalankan perniagaan menjual air batu dan mempunyai sebuah premis di No. 83, Jalan Sg. Korok, Jitra yang digunakan sebagai stor menyimpan air batunya. Tenaga elektrik ke premis tersebut dibekalkan oleh defendan, Tenaga Nasional Berhad, ("TNB"), satu-satunya agensi di negara ini yang diberikan lesen membekal kuasa letrik nasional. Untuk maksud pembekalan tenaga letrik ke premis tersebut, plaintif telah menandatangani satu kontrak pembekal dengan defendan pada 14 November 1992 yang mana beliau telah bersetuju dengan syarat-syarat yang termaktub di dalam kontrak pembekal itu.

Pada 17 Mac 1998, defendan telah menjalankan pemeriksaan terhadap jangka KWH di premis plaintif dengan kehadiran plaintif sendiri. Pihak defendan telah mendapati bahawa sistem perpasangan bagi jangka KWH plaintif telah diusik dan ini telah menyebabkan piring jangka telah bergerak perlahan dan ianya hanya merekodkan sebahagian sahaja amaun tenaga elektrik yang digunakan. Seterusnya defendan telah menjalankan ujian pemeriksaan ketepatan "timing check" di mana perbandingan rekod penggunaan telah dibuat terhadap jangka KWH plaintif dan jangka semak defendan. Hasil daripada ujian yang dijalankan, itu adalah di dapati bahawa penggunaan tenaga elektrik yang direkodkan oleh jangka KWH plaintif adalah 66.07% lebih rendah dari jangka semak defendan. Memandangkan ketidaktepatan jangka KWH plaintif itu melebihi daripada 3%, seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan 12(2) Peraturan-Peraturan Bekalan

Pemegang Lesen 1990 yang digubal menurut s. 53 Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta) defendan telah membuat pengiraan semula rekod penggunaan tenaga elektrik oleh plaintif dari bulan Februari 1996 sehingga Jun 1998. Plaintif kemudiannya telah dikenakan caj tambahan sebanyak RM30,136.98 bagi penggunaan elektrik yang gagal direkodkan. Menurut peraturan 12(2) ini juga, defendan telah menuntut bayaran balik bagi jumlah tersebut dan menyelaraskan akaun plaintif. Sehubungan dengan itu, melalui surat mereka bertarikh 13 Julai 1998, defendan telah menuntut jumlah tersebut dan memberi notis selama tujuh hari untuk plaintif menjelaskannya. Notis itu juga menyebut kegagalan plaintif menjelaskan bayaran tersebut akan mengakibatkan pemotongan bekalan. Plaintif telah tidak membuat bayaran dan justeru itu, defendan sekali lagi menghantar notis peringatan agar plaintif menjelaskan bil tambahan tersebut dan meminta plaintif hadir ke pejabatnya di Jitra.

Plaintif masih dan terus gagal menjelaskan bil tambahan tersebut sehingga defendan kemudiannya telah mengeluarkan notis 24 jam yang memberitahu bahawa sekiranya bil tambahan itu tidak dijelaskan dalam masa 24 jam, bekalan elektrik ke premis tersebut akan dipotong.

Pada keesokan harinya, bekalan elektrik ke premis plaintif telah dipotong di atas keingkarannya membayar bil tambahan yang dikeluarkan oleh defendan.

Hujahan Plaintif

Di dalam memohon perintah deklarasi seperti yang terkandung dalam Lampiran 1, plaintif hanya bersandarkan kepada satu hujahan sahaja iaitu pihak defendan adalah tidak berhak untuk memotong bekalan elektrik yang disalurkan kepada premis plaintif semata-mata berdasarkan bil tambahan sebanyak RM30,196.38 yang tidak dibayar. Menurut plaintif lagi, jumlah tersebut hanya merupakan satu tuntutan terhadap jumlah wang yang tertunggak dan tuntutan untuknya patut dibuat melalui tindakan sibil di mahkamah dan bukannya dengan cara memotong bekalan elektrik di premisnya. Bagi menyokong hujahan ini, mahkamah telah dirujuk oleh peguam plaintif kepada kes *Dai-Ichi Electronics (M) Sdn. Bhd v. Tenaga Nasional Berhad* [1996] 2 AMR 1821. Semasa mentafsirkan pemakaian peruntukan s. 38(1) Akta berhubung kuasa pemotongan bekalan elektrik yang diberikan kepada TNB YA Vincent Ng Kim Khoay H menyatakan di ms 1821:

> Thus, in my considered view, the expression "which in his opinion" occurring in s. 38(1) cannot be interpreted in isolation from the other words in the same section and other provisions in the Act. Consequently, the words "proves that an offence has been committed under s. 37(1), 37(4) and 37(14)" following the words "in his opinion" in s. 38(1), when read in the light of s. 38(3), would indicate that disconnection followed by reconnection of electrical supply are the approved steps that could be carried out by TNB only after the consumer is proved by evidence in the court of law that he has or they have committed an offence under s. 37(1) or (3) or (14). This is especially so as s. 37(1), (3), and (14) all talk of offences resulting in conviction. Surely, the word "proves" appearing in s. 38(1) envisages proof before a court of law and not before an employee of TNB.

Berdasarkan keputusan kes *Dai-Ichi* ini, adalah menjadi hujahan plaintif bahawa pihak defendan hanya boleh memotong bekalan elektrik di premisnya, setelah plaintif dibuktikan melalui keterangan mahkamah melakukan kesalahan di bawah s. 37(1), s. 37(3) dan s. 37(14) Akta tersebut.

Hujahan Defendan

Peguam defendan sebaliknya menghujahkan bahawa kuasa yang diberikan kepada TNB di bawah s. 38(1) Akta Bekalan tersebut untuk memotong bekalan elektrik adalah jelas. Menurut peguam defendan, s. 38(1) ini tidak memerlukan pembuktian melalui keterangan di mahkamah bahawa pengguna telah melakukan kesalahan di bawah s. 37(1), (3) dan (14) terlebih dahulu sebelum kuasa pemotongan bekalan elektrik boleh dilaksanakan oleh TNB. Seksyen 38(1) sebenarnya menyatakan dengan jelas bahawa sekiranya TNB (melalui pekerjanya) mendapat keterangan di mana-mana premis yang pada pendapatnya membuktikan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah s. 37(1), 37(3) atau (14), maka ia berhak atau mempunyai kuasa untuk memberi notis 24 jam kepada pengguna dan boleh memotong bekalan. Bagi menyokong hujahannya ini, peguam defendan merujuk kepada penghakiman di dalam kes *Leong Hup Poultry Sdn. Bhd. v. Tenaga Nasional Berhad* (Mahkamah Tinggi Muar Guaman Sibil No: 22-11-1999) (tidak diterbitkan) di mana isu pemakaian s. 38(1) telah juga dihuraikan dan diberi tafsiran oleh YA Hakim Raus Sharif seperti berikut:

> Pada pandangan saya peruntukan seksyen 38(1) Akta 447 tidak memerlukan kesalahan dibuktikan dahulu di Mahkamah sebelum tindakan memotong bekalan letrik boleh dilakukan kepada pengguna oleh TNB. Seksyen 38(1) tidak membuat peruntukan sebegitu. Pada saya pekerja TNB sendiri yang patut menentukan samada kesalahan telah dilakukan atau tidak. Saya percaya sekiranya seksyen 38(1) diperuntukkan sebegitu rupa untuk menjaga kepentingan TNB dan membolehkan TNB bertindak cepat dan dengan itu

dapat mencegah penyalahgunaan seperti pencurian bekalan letrik yang dibekalkan oleh TNB. Jika setiap kesalahan di bawah seksyen 37(1), (3) dan (14) perlu melalui proses Mahkamah untuk menentukan samada sesuatu kesalahan telah dilakukan sebelum tindakan di bawah seksyen 38(1) boleh diambil, saya percaya ia akan menimbulkan kesulitan kepada TNB dan ianya adalah bertentangan dengan kehendak seksyen 38(1) Akta 447 yang pada pendapat saya adalah peruntukan yang jelas dan terang.

Pendapat Mahkamah

Persoalan utama yang harus diputuskan dalam permohonan ini semata-mata berkisar pada pentafsiran s. 38(1) Akta yang memperuntukkan demikian:

> 38(1) Jika mana-mana orang yang diambil kerja oleh pemegang lesen mendapat keterangan di mana-mana premis yang pada pendapatnya membuktikan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah seksyen 37(1), 37(3) atau 37(14), pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberikuasa sewajarnya oleh pemegang lesen boleh, dengan memberi notis tidak kurang daripada dua puluh empat jam dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan, menyebabkan bekalan tenaga dipotong daripada premis tersebut.

Jadi apakah benar hujahan plaintif yang menyatakan bahawa kuasa pemotongan bekalan elektrik yang diperuntukkan di bawah s. 38(1) Akta kepada TNB hanya boleh dilaksanakan setelah kesalahan-kesalahan tersebut dibuktikan melalui keterangan-keterangan di mahkamah dan bukan sekadar pembuktian kesalahan menurut pendapat TNB?

Setelah saya teliti peruntukan s. 38(1) seperti yang tersebut di atas ingin saya nyatakan di sini bahawa pada hemat saya adalah jelas dan nyata bahawa di dalam keadaan di mana TNB (melalui pekerjanya) dapat mengesan bukti-bukti ataupun kesan-kesan yang jangka telah diusik pada mana-mana premis dan pada hemat TNB menunjukkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta telah dilakukan, maka TNB berhak memotong bekalan di premis tersebut, dengan memberi notis 24 jam.

Pada penghakiman saya s. 38(1) ini tidak memerlukan satu pembuktian kesalahan oleh mahkamah sebagai pra-syarat sebelum kuasa pemotongan dapat dilaksanakan oleh TNB sebagai pemegang lesen. Sayugia diingatkan bahawa TNB sebagai badan yang dipertanggungjawabkan untuk membekal tenaga elektrik ke seluruh negara seharusnya diberikuasa menjalankan tanggungjawabnya sejajar dengan peruntukan undang-undangnya iaitu Akta Bekalan Elektrik 1990 khasnya. Justeru, apabila s. 38(1) menyatakan bahawa “pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberikuasa sewajarnya boleh ...”, ini bermakna bahawa TNB (atau pekerjanya) boleh melalui hemat dan pendapatnya menentukan dengan wujudnya bukti-bukti

atau keterangan-keterangan yang ada di mana-mana premis bahawa satu kesalahan telah dilakukan. Tidaklah perlu baginya menunggu satu kesalahan dibuktikan oleh mahkamah sebelum kuasa pemotongan boleh dilaksanakan. Sekiranya proses pembuktian kesalahan melalui mahkamah diperlukan saya khuatir ianya akan memakan masa yang lama sebelum kuasa di bawah s. 38(1) ini dapat digunakan. Mengenai perkara ini saya bersependapat dengan penghakiman hakim Raus Sharif dalam kes *Leong Hup Poultry Sdn. Bhd. v. Tenaga Nasional Berhad* (di atas) apabila YA menyatakan:

> Jika setiap kesalahan di bawah seksyen 37(1), (3) dan (14) perlu melalui proses mahkamah untuk menentukan samada sesuatu kesalahan telah dilakukan sebelum tindakan di bawah seksyen 38(1) boleh diambil saya percaya ia akan menimbulkan kesulitan kepada TNB dan ianya adalah bertentangan dengan kehendak seksyen 38(1) Akta 447 yang pada pendapat saya adalah peruntukan yang jelas dan terang.

Pada hemat saya s. 38(1) digubal begitu rupa ialah semata-mata bertujuan memberi kuasa efektif kepada TNB memberhentikan dengan segera sebarang kesalahan yang berlaku dan tidak dibiarkan berlarutan. Dengan kata lain s. 38(1) merupakan satu cara bagi TNB menyelamatkan banyak tenaga eklektrik yang boleh gunakan secara haram. Namun demikian ianya bukanlah merupakan kuasa penamat kepada TNB. Tindakan untuk mendakwa mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta masih boleh diambil di bawah s. 37(1), (3) dan (14). Di sana Akta telah menetapkan hukuman yang lebih berat kepada pesalah-pesalah.

Sekiranya penggubal berhasrat sebaliknya sudah tentu s. 38(1) akan dimuatkan dengan perkataan-perkataan yang jelas dan nyata yang menunjukkan bahawa pembuktian melalui proses mahkamah adalah diperlukan. Tetapi nyata itu bukanlah hasrat dan kehendak penggubal.

Sehubungan dengan itu saya juga berpendapat bahawa s. 38(1) hendaklah dibaca secara literal dan biasa atau ‘in its ordinary and literal meaning’. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Kumpulan Kamunting Sdn. Bhd. v. Rajoo & Others* [1983] 2 MLJ 400, memutuskan bahawa perkataan-perkataan yang digunakan dalam peraturan 8, Employment (Termination and Lay-Off Benefits) Regulations 1980, adalah tidak kabur dan maksudnya jelas. Justeru pendekatan ketat dan literal adalah terpakai. Di dalam penghakimannya (di ms 404) Mohamed Azmi FJ (beliau ketika itu) merujuk kepada kes *Duport Steels Ltd. v. Sirs* [1980] 1 All ER 509 di mana diputuskan:

> Where the meaning of the statutory words is plain and unambiguous, it is not for the judges to invent fancied ambiguities as an excuse for failing to give effect to its plain meaning because they themselves consider that the consequences of doing so would be inexpedient, or even unjust or immoral. In controversial matters such as are involved in industrial relations there is room for differences of opinion as to what is expedient, what is just and what is morally justifiable.

Mahkamah Agung di dalam kes *Foo Loke Ying v. Television Broadcast Ltd. & Ors* [1985] 2 MLJ 35 juga berkesempatan menyentuh isu yang sama berhubung Copyright Act 1969. Di dalam penghakimannya (di ms 48), Abdoolcader SCJ (beliau ketika itu) menyatakan:

> We should perhaps reiterate that the starting point in statutory interpretation is to consider the ordinary meaning of the word or phrase in question, that is its proper and most known signification ... .
>
> We are of the view that the provisions of the Act under consideration before us call for a purposive and literal construction which is one which follows the literal meaning of the enactment where that meaning is in accordance with legislative purpose and applies where the literal meaning is clear and reflects the purposes of the enactment.

Keputusan di dalam kes *Foo Loke Ying* (di atas) telah disahkan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Vengadasalam v. Khor Soon Weng & Ors* [1985] 2 MLJ 449. Sekali lagi YA Abdoolcader SCJ (beliau ketika itu) di dalam penghakimannya (di ms 450) menyatakan:

> We would in this regard also advert to the decision of the House of Lords in *Thompson v. Goold & Co.* where Lord Mersey said in his speech (at page 420):
>
> > It is a strong thing to read into an Act of Parliament words which are not there, and in the absence of clear necessity it is a wrong thing to do.

Berbalik kepada permohonan di hadapan saya fakta mengenai penemuan kesan-kesan pengusikan jangka KWH dan wujudnya pengubahsuaian kepada sistem penjangkaan elektrik di premisnya tidak langsung dipertikaikan oleh plaintif samada semasa pemeriksaan dijalankan oleh TNB mahupun dalam affidavit sokongannya. Plaintif juga tidak menafikan fakta bahawa dengan terdapatnya pengusikan kepada jangka KWH di premisnya telah menimbulkan kejanggalan kepada sistem perpasangan jangka tersebut yang mengakibatkan piring jangka telah bergerak dengan perlahan dan telah tidak merekodkan penggunaan tenaga elektrik yang sebenarnya. Jangka tersebut juga gagal mendaftarkan pengunaanhabisan amaun tenaga elektrik yang sebenarnya.

Berdasarkan keterangan-keterangan ini dan setelah mengambilkira fakta bahawa premis tersebut adalah premis persendirian plaintif saya berpendapat adalah munasabah defendan menganggap terdapat bukti-bukti berlakunya kesalahan-kesalahan di bawah Akta, di premis tersebut.

Tambahan lagi plaintif juga terikat dengan syarat-syarat yang terkandung di dalam kontrak bekalan yang ditandatanganinya dengan defendan di mana jelas diperuntukkan melalui klausa 11 bahawa plaintif hendaklah mematuhi Akta dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Kini plaintif tidak boleh mempersoalkan kuasa yang diberikan kepada defendan berhubung pemotongan bekalan dan seterusnya kuasa defendan menuntut bayaran-bayaran yang dikenakan terhadap plaintif apabila defendan membuat kiraan semula jumlah penggunaan elektrik yang sebenarnya. Dakwaan plaintif bahawa pengiraan semula yang dibuat defendan adalah satu 'guesswork' pada pendapat saya merosot sama sekali kerana pengiraan semula tersebut sebenarnya bersandarkan kepada ujian ketepatan yang dilakukan oleh defendan dan ini tidak dinafikan oleh plaintif. Jadi, menurut peruntukan Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 (khasnya peraturan 3, 11 dan 12) defendan adalah berhak terhadap caj tambahan bagi penggunaan elektrik yang tidak atau gagal direkodkan.

Keputusan

Berdasarkan alasan-alasan yang telah dihuraikan di atas saya berpendapat plaintif tidak berhak mendapat perintah deklarasi yang dipohon. Justeru saman pemula di Lampiran 1 ditolak dengan kos.